# LAPORAN TAHUNAN
## PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
# 2019

PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA


PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA



# ISI KANDUNGAN


1. SIDANG EDITORIAL

2. SUDUT PANDANGAN PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

6. MAKLUMAT KORPORAT
- VISI, MISI DAN OBJEKTIF

8. CARTA ORGANISASI
- KUMPULAN PENGURUSAN

20. **PENGENALAN AKTA 709**

22. • LATAR BELAKANG

22. • TUJUAN AKTA 709

23. • 7 PRINSIP PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

24. • HAK-HAK SUBJEK DATA

25. • FUNGSI DAN PERANAN BAHAGIAN/ UNIT

29. **AKTIVITI TAHUNAN PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

94. **DIARI 2019**

128. **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**







# SIDANG EDITORIAL

**KETUA EDITOR :**
**EFFIZURAIDAH ABDUL LATIP**
(KETUA UNIT KOMUNIKASI KORPORAT)

**PENGARANG :**
**KHAIRUL NUR IMAN** (PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM)

**PEGAWAI TEKNIKAL/ JURUFOTO/ EDARAN :**
**MUHAMAD HAZRIN JOHAR**

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan
Data Peribadi Malaysia
Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi
dan Multimedia,
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya, Malaysia

Laman web : http://www.pdp.gov.my

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan dalam
Penerbitan Malaysia.
Pesuruhjaya Perlindungan
Data Peribadi Malaysia

Buku Laporan Tahunan:
Laporan Tahunan
Pesuruhjaya Perlindungan
Data Peribadi 2019

**Cetakan Pertama, 2020**

Hak Cipta Terpelihara Pesuruhjaya Perlindungan
Data Peribadi Malaysia, 2020

**Tidak dibenarkan mengeluar-ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.**

**ISSN 2289-8751**

**Judul : Laporan Tahunan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi 2019**

# SUDUT
# PANDANGAN




**Rosmahyuddin Bin Baharuddin**
Timbalan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi



“ Pejabat Pesuruhjaya PDP menekankan atas dasar perhubungan masyarakat yang berinformasi, kreatif dan berbudaya digital dalam melindungi data peribadi bersama. ”

*" Buku Laporan Tahunan ini diharap dapat membantu masyarakat untuk lebih memahami keperluan, kehendak dan manifestasi pengurusan Data Peribadi berkaitan dengan Akta 709."*

**Rosmahyuddin Bin Baharuddin**

Timbalan Pesuruhjaya
Perlindungan Data Peribadi

# *Alhamdulillah,*

Bersyukur ke hadrat illahi kerana dengan izin-Nya, Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (Pejabat Pesuruhjaya PDP) kini dapat memantapkan infrastruktur komunikasi yang terpercaya, berkualiti dan menyeluruh. Berdasarkan Teras Strategik Kementeria Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Pejabat Pesuruhjaya PDP menekankan atas dasar perhubungan masyarakat yang berinformasi, kreatif dan berbudaya digital seterusnya menjadi garis panduan kepada Pengguna Data Peribadi. Justeru itu, perlaksanaan yang lebih agresif terhadap Akta 709 akan diberi perhatian yang sejajarnya.

Pejabat Pesuruhjaya PDP mempunyai sebuah aspirasi dalam mendokong hasrat negara Malaysia ke arah kerajaan yang mampu melahirkan kerja sama erat antara sektor korporat dan kerajaan dalam usaha asimilasi berpadu menjadi satu budaya yang sejahtera dan selamat kepada masyarakat. Oleh itu, usaha-usaha tersebut dipertingkatkan melalui inisiatif memberi penerangan dan kebolehpercayaan maklumat yang seimbang dengan perkembangan pesat ekonomi digital dan ICT semasa. Pejabat Pesuruhjaya PDP tekad untuk melahirkan masyarakat yang sentiasa berwaspada dan berintegriti khususnya dalam mencari dan berkongsi maklumat.

Mengambil ke arah pematuhan dan pendekatan bersemuka, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah mengalakkan Pengguna Data mendaftar dengan Persuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Golongan yang berwajib mendaftar perlulah patuh kepada keperluan Akta 709 agar

Data Peribadi yang diproseskan selamat tanpa sebarang kebocoran dan penyalahgunaan. Selain menetapkan satu standard, Pejabat Pesuruhjaya PDP juga dalam perancangan untuk mendaftar Tataamalan Pengguna Data.

Buku Laporan Tahunan ini diharap dapat membantu masyarakat untuk lebih memahami keperluan, kehendak dan manifestasi pengurusan Data Peribadi berkaitan dengan Akta 709. Selain itu, penyediaan Catatan Laporan ini juga diharap dapat memberi sedikit input dalam memacu *konvergens* dan memperkasakan digital dalam industri yang dinamik. Penyalahgunaan dan kebocoran data akibat kecuaian dalam mengendalikan dan mengurus data peribadi boleh mengakibatkan maklumat seseorang individu diceroboh dan disalah gunakan. Ledakan maklumat ini menyumbang kepada pelbagai risiko yang melibatkan keselamatan dan Data Peribadi Sensitif.

Mafhumnya, selaras dengan asas peranan Pejabat Pesuruhjaya PDP diharapkan seluruh warga dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dan terus konsisten dalam memastikan kecemerlangan Pejabat Pesuruhjaya PDP yang diamanahkan serta berkerja dengan penuh integriti dan komited.



# PROFIL **KORPORAT**

## OBJEKTIF

Menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

## VISI

Sebagai peneraju utama dalam melindungi kepentingan data peribadi dalam mencapai kesejahteraan sebagai negara maju yang selari dengan agenda transformasi negara.

## MISI

Mengawal selia perlindungan data peribadi untuk mewujudkan kepercayaan di kalangan perniagaan dan pengguna yang menyumbang kepada peningkatan keyakinan transaksi komersial.



## PENGENALAN

Pejabat Pesuruhjaya PDP merupakan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

Pejabat Pesuruhjaya PDP ditubuhkan pada 16 Mei 2011 selepas Kabinet meluluskan Rang Undang-undang berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) iaitu Akta 709.

## FUNGSI

Tanggungjawab utama Jabatan ialah untuk mengawalselia pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam urus niaga komersial oleh Pengguna Data agar tidak disalahguna dan disalahpakai oleh pihak-pihak berkepentingan sekaligus menyumbang kepada ledakan maklumat tanpa kawalan sempadan. Ini akan menyumbangkan kepada pelbagai risiko yang melibatkan privasi dan keselamatan data peribadi pengguna. Keselamatan data peribadi pengguna haruslah dilindungi bagi mencegah sebarang bentuk ledakan maklumat tidak terkawal terhadap pengurusan atau penyimpanan data peribadi sensitif individu, awam dan swasta di negara Malaysia.

## DASAR KUALITI

Pejabat Pesuruhjaya PDP komited untuk mengawalselia dan menguatkuasakan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dalam transaksi komersial berdasarkan Tujuh Prinsip Utama Pejabat Pesuruhjaya PDP demi mencapai kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.



# CARTA ORGANISASI
# PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA





KUMPULAN

# PENGURUSAN





# KUMPULAN
# PENGURUSAN TERTINGGI

**Dari Kanan**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Mohamed Aswan Bin Mat Adini**<br>Penolong Pesuruhjaya, Unit Hal Ehwal Pengguna Data | **Noreen Iszani Binti Yusak**<br>Penolong Pesuruhjaya Unit Pendaftaran | **Rosmahyuddin Bin Baharuddin**<br>Timbalan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi | **Effizuraidah Binti Abdul Latip**<br>Penolong Pesuruhjaya, Unit Komunikasi Korporat | **Muhammad Matori Bin Ali**<br>Penolong Pesuruhjaya, Bahagian Pemantauan | **Uma A/P Annamallai**<br>Penolong Pesuruhjaya, Bahagian Pendaftaran & Operasi |



**Dari Kiri**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Mastura Binti Abd. Rahim**<br>Penolong Pesuruhjaya, Unit Pemantauan I | **Leniza Anak Nihar**<br>Penolong Pesuruhjaya Unit Penilaian Risiko | **A. Rafiz Bin Ismail**<br>Penolong Pesuruhjaya Unit Siasatan | **Nor Afiza Binti Moharam**<br>Penolong Pesuruhjaya Unit Pemantauan 2 | **Sharil Mazmi Bin Mohd Sharif**<br>Penolong Pesuruhjaya Unit Teknologi Maklumat | **Liza Iznarida Binti Basri**<br>Penolong Pesuruhjaya, Unit Khidmat Pengurusan |





# **UNIT KOMUNIKASI** KORPORAT



## UNIT HAL EHWAL
PENGGUNA DATA



# UNIT PENDAFTARAN



# BAHAGIAN **PEMANTAUAN**



# **UNIT KHIDMAT** PENGURUSAN



# PENGENALAN
# AKTA709





# PENGENALAN
# AKTA 709



## Latar Belakang

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) atau APDP merupakan salah satu perundangan siber yang diperakukan dalam pelaksanaan Koridor Raya Multimedia. Akta ini merupakan matlamat dasar kesepuluh dinyatakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu bagi menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan serta keutuhan rangkaian dalam perlindungan data di Malaysia. Ianya telah dikuatkuasakan pada 15 November 2013.

## Tujuan

Mengawalselia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial bagi melindungi data peribadi seseorang Subjek Data (orang awam). Ianya terpakai kepada organisasi/ individu yang memproses data peribadi dalam transaksi komersial contohnya bank, syarikat telekomunikasi, insurans, hospital dan sebagainya.

## Kepentingan Akta

- Meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dengan penguatkuasaan yang berterusan.
- Mengelakkan dan mengurangkan risiko ketirisan data peribadi.
- Meningkatkan kecekapan dan tadbir urus data peribadi.
- Memastikan data peribadi dikendalikan dengan berhemah dan berintegriti.


7 PRINSIP
PERLINDUNGAN
DATA PERIBADI
01 PRINSIP AM
Pengguna data tidak boleh memproses data peribadi TANPA persetujuan subjek data.
02 PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN
Pengguna data hendaklah memaklumkan kepada Subjek Data tujuan data peribadinya diproses, hak untuk mengakses, penzahiran kepada golongan pihak ketiga dan pilihan sama ada wajib atau tidak untuk memberikan data peribadi tersebut serta akibat sekiranya gagal memberikan data peribadi tersebut.
03 PRINSIP PENZAHIRAN
Tiada data peribadi boleh dizahirkan kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan.
04 PRINSIP KESELAMATAN
Pengguna data hendaklah mengambil langkah-langkah untuk melindungi data peribadi daripada hilang, salah guna, akses yang tidak dibenarkan.
05 PRINSIP PENYIMPANAN
Data peribadi tidak boleh disimpan lebih lama dari tempoh yang diperlukan dan perlu dimusnahkan atau dipadam secara kekal jika tidak lagi diproses.
06 PRINSIP INTEGRITI DATA
Pengguna data perlu mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.
07 PRINSIP AKSES
Subjek data hendaklah diberi akses kepada data peribadinya dan boleh membetulkan jika data peribadi itu tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini.


HAK-HAK SUBJEK DATA
HAK UNTUK MENGHALANG PEMPROSESAN BAGI MAKSUD PEMASARAN LANGSUNG
HAK UNTUK MENGHALANG PEMPROSESAN YANG MUNGKIN MENYEBABKAN KEROSAKAN ATAU DISTRES
HAK UNTUK MEMBUAT PEMBETULAN
HAK UNTUK MENARIK BALIK PERSETUJUAN
HAK UNTUK MENGAKSES

# FUNGSI DAN PERANAN
# **BAHAGIAN/ UNIT**

### a. PENDAFTARAN & OPERASI

Menyelaraskan dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan Pendaftaran Pengguna Data dan Forum Pengguna Data seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi.

### b. PEMANTAUAN

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan Pematuhan Akta 709 melalui penilaian, penyiasatan dan pemantauan.

### c. UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Mempromosikan dasar program dan aktiviti Jabatan ke arah pembentukan imej yang positif melalui perancangan promosi dan publisiti yang strategik dan berkesan.

### d. UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Memberi perkhidmatan sokongan teknikal, sistem dan bantuan khidmat nasihat berhubung perlaksanaan ICT kepada warga Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

### e. UNIT KHIDMAT PENGURUSAN

Menguruskan hal-hal pentadbiran dan kewangan Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

# UNIT
# PENDAFTARAN





Kami komited dalam menguruskan permohonan pendaftaran pengguna data, pembaharuan pendaftaran dan pembatalan pendaftaran pengguna data serta pengenalan maklumat kepada pengguna data terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709).

Justeru, kami telah menjalankan pemutihan kepada 13 golongan yang layak berdaftar di bawah Akta 709.

Golongan Pengguna Data yang disenaraikan akan dikemaskini dari semasa ke semasa bagi memastikan semua pengguna data terlibat di dalam Forum Pengguna Data yang akan menghasilkan Tataamalan mengikut Golongan masing-masing. Tataamalan ini akan menjadi dokumen perundangan yang akan menjadi rujukan bagi setiap pengguna data dalam mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah Akta 709 secara menyeluruh.

Setiap pendaftaran yang diluluskan akan disertakan dengan Perakuan Pendaftaran dan ianya perlu dipamerkan di tempat mudah dilihat dalam premis pengguna data sendiri. Oleh itu, ini akan meningkatkan tahap keyakinan antara kedua-dua pihak apabila transaksi komersial berlaku dan data peribadi diminta serta diproses.




*13 Golongan Pengguna Data Yang Disenarai*

## Kewajipan Para Pengguna Data

Di bawah Akta 709, Seksyen 16 Pengguna Data diwajibkan berdaftar secara rasmi dengan Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Kegagalan para Pengguna Data untuk berbuat demikian akan menyebabkan hukuman Penalti: Denda tidak melebihi RM 500,000.00, atau Penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

# AKTIVITI TAHUNAN
## PEJABAT PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI




HAK-HAK
SUBJEK DATA
4 HAK UNTUK
MENARIK BALIK
PERSETUJUAN
Mineral
Goodies

# **AKTIVITI**
# PADA TAHUN 2019

## Pendaftaran Pengguna Data

Setiap permohonan Pendaftaran baharu, pembaharuan dan salinan diakui sah dibuat melalui sistem dalam talian iaitu Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) didaftar www.pdp.gov.my. Sepanjang tahun 2019, sebanyak 550 pendaftaran baharu pengguna data telah diterima yang terdiri daripada 13 Golongan Pengguna Data yang wajib berdaftar di bawah Akta 709.

**Pendaftaran Baharu Pengguna Data Tahun 2019**

**Jumlah :**
**550 Pendaftaran**




**Pembaharuan Pengguna Data Tahun 2019**

**Jumlah :**
**2071 Pembaharuan**



## Sesi Kaunter Bergerak Unit Pendaftaran

Unit Pendaftaran juga telah mengadakan kaunter bergerak sempena penganjuran persidangan dan pameran Pejabat Pesuruhjaya PDP sepanjang tahun 2019. Kaunter bergerak ini diadakan bertujuan untuk menerima pendaftaran baharu secara *walk-in* dan memberikan khidmat nasihat serta penerangan kepada pengguna data dan orang ramai. Berikut adalah senarai kaunter bergerak Unit Pendaftaran yang telah dilaksanakan:



# CARA MEMOHON MELALUI PENDAFTARAN *'ONLINE'* DALAM TALIAN





BAHAGIAN
# PENGUATKUASAAN

Unit Siasatan

Unit Pemantauan



> "Bagi memastikan pematuhan Akta 709, bahagian pemantauan bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pemantauan dan penguatkuasaan melalui Penilaian, Penyiasatan dan Pemantauan."

# UNIT **PEMANTAUAN**



Unit Pemantauan di bawah Bahagian Pemantauan yang wujud sejak Pejabat Pesuruhjaya PDP ditubuhkan, berperanan melaksanakan pemeriksaan terhadap sistem data peribadi yang dikendalikan oleh pengguna data, sama ada dalam bentuk manual atau elektronik. Di samping itu, Unit Pemantauan juga berfungsi membantu Pejabat Pesuruhjaya PDP dalam usaha penambahbaikan bagi memastikan pengguna data secara praktikalnya dapat melaksanakan pengurusan data peribadi yang efisyen dan teratur. Pegawai-pegawai di Unit Pemantauan I dan II yang telah dilantik sebagai Penolong Pesuruhjaya berperanan mengadakan pemeriksaan sistem data peribadi ke atas premis pengguna data di seluruh negara.



## Pemeriksaan Sistem Data Peribadi



Pemeriksaan data peribadi berperanan penting untuk memastikan pengguna data dapat mengambil langkah-langkah yang betul dalam usaha mereka untuk mematuhi Akta 709. Selain itu, pemeriksaan ini turut berfungsi sebagai langkah awal bagi mengelakkan berlakunya insiden serius yang tidak diingini terhadap data peribadi yang berada di bawah kelolaan pengguna data.

Pelaksanaan pemeriksaan sistem data peribadi adalah berdasarkan kepada Akta 709, Peraturan-peraturan sedia ada, Standard Peraturan Data Peribadi 2015 dan tataamalan berkaitan. Pengguna data diminta membentangkan langkah organisasi dan teknikal diambil bagi tujuan pematuhan kepada Akta 709. Penilaian kemudiannya dilakukan oleh Pegawai Pemeriksa dan penemuan hasil pemeriksaan beserta syor penambahbaikan mengikut tempoh masa ditetapkan daripada Pesuruhjaya PDP akan dikeluarkan melalui Laporan Pemeriksaan Sistem Data Peribadi.



## Lawatan Pemeriksaan Sistem Data Peribadi 2019

Sepanjang 2019, sebanyak 30 premis pengguna data di seluruh negara telah dilawati oleh pegawai pemeriksa sistem data peribadi daripada Pejabat Pesuruhjaya PDP bagi melihat tahap pematuhan pengguna data kepada Akta 709. Daripada jumlah itu, 26 lawatan pemeriksaan adalah ke atas pengguna data daripada dua golongan wajib berdaftar, dua pengguna data daripada golongan tidak wajib berdaftar dan dua pengguna data badan berkanun. Pecahan lawatan ke atas pengguna data mengikut kategori golongan pengguna data adalah seperti berikut:




Lawatan pemeriksaan ke atas golongan pengguna data berdaftar mengikut sektor pengguna data pada tahun 2019 adalah seperti rajah di bawah:

| KATEGORI GOLONGAN PENGGUNA DATA | JUMLAH PEMERIKSAAN 2019 |
|---|---|
| Wajib mendaftar | 26 |
| Tidak wajib mendaftar | 4 |

Rajah 1: Lawatan Pemeriksaan Sistem Data Peribadi bagi Golongan Pengguna Berdaftar Tahun 2019











Lawatan Pemeriksaan Sistem Data Peribadi yang dijalankan melibatkan pengguna data dan badan berkanun.











*Rajah 2: Lawatan Pemeriksaan Sistem Data Peribadi di bawah seksyen 101 Akta 709 (2017 - 2019)*




Berbanding tahun-tahun sebelumnya, pemeriksaan 2019 lebih menumpukan kepada sektor perkhidmatan, pelancongan dan hospitaliti, dan pajak gadai (Rajah 2). Pemeriksaan 2019 juga tidak hanya dilaksanakan kepada pengguna data wajib berdaftar sahaja tetapi turut diluaskan kepada pengguna data tidak wajib berdaftar, selain ke atas agensi badan berkanun (Rajah 3).




Rajah 3: Lawatan Pemeriksaan Sistem Data Peribadi ke atas Badan Berkanun dan Pengguna Data Tidak Wajib Berdaftar (2017 - 2019)

Selain itu, pemeriksaan 2019 turut memberikan fokus kepada pengguna-pengguna data yang lokasinya di luar kawasan bandar utama di Malaysia seperti di Jitra, Kedah dan Batu Pahat, Johor. Inisiatif tersebut diambil bagi memastikan pematuhan Akta 709 adalah secara menyeluruh ke atas semua tanpa mengira saiz, kategori dan lokasi pengguna data.

Secara keseluruhannya, pemeriksaan 2019 berjaya meluaskan kesedaran dan kefahaman mengenai pematuhan Akta 709 kepada lebih banyak organisasi pengguna data terutamanya yang berada di luar daripada kawasan bandar-bandar utama di Malaysia.

# **KAJIAN SEMAKAN SEMULA**
# AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

## Akta 709

Akta 709 ditubuhkan pada 2010 bagi mengawalselia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial. Setelah hampir dasawarsa kewujudannya, akta ini dilihat mempunyai beberapa ruang untuk dikaji bagi tujuan penambahbaikan.

### Akta Perlindungan Data Peribadi (Akta 709)







Kajian awal telah dilakukan ke atas semakan semula Akta 709 bagi menentukan sama ada ianya wajar diberikan penumpuan atau tidak telah dilaksanakan pada sepanjang suku pertama dan kedua tahun 2019.



Secara amnya, melalui kajian awal tersebut Pejabat Pesuruhjaya PDP mendapati wujud beberapa jurang di dalam Akta 709 jika dibandingkan dengan perundangan dan amalan perlindungan data peribadi lain di peringkat global.

i. Pasukan Kerja Industri Perniagaan dan Sektor Kerajaan

ii. Pasukan Kerja Pemantauan dan Penguatkuasaan

iii. Pasukan Kerja Inovasi dan Teknologi

iv. Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus

Pasukan kerja berperanan membantu untuk mengkaji dan mengenalpasti jurang-jurang berkaitan perlindungan data peribadi yang wujud di dalam akta sedia ada berdasarkan bidang fokus masing-masing. Ahli-ahli pasukan kerja pula terdiri daripada pelbagai golongan pakar dan profesional yang mempunyai pengalaman industri yang luas berkaitan perlindungan data peribadi. Tiga siri bengkel telah diadakan iaitu pada:

| BENGKEL PASUKAN KERJA | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|
| Pasukan Kerja Industri Perniagaan dan Sektor Kerajaan | 18 - 20 Ogos 2019 | Hotel Royal Chulan, Seremban |
| Pasukan Kerja Pemantauan dan Penguatkuasaan | 18 - 20 Ogos 2019 | Hotel Royal Chulan, Seremban |
| Pasukan Kerja Inovasi dan Teknologi | 07 - 08 Nov 2019 | Mahkota Hotel, Melaka |
| Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus | 17 - 19 Nov 2019 | Avillion Admiral Cove, Port Disckson |



"76 perakuan telah dilakukan oleh ahli Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus melalui bengkel pasukan kerja yang telah diadakan."



Hasil daripada siri bengkel tersebut, terdapat sebanyak 61 cadangan penambahbaikan ke atas akta sedia ada telah diperolehi. Cadangan-cadangan penambahbaikan ini seterusnya telah dibincang dan diperakukan sama ada untuk diadakan tambahan peruntukan baharu, pindaan kepada peruntukan sedia ada, pindaan kepada perintah sedia ada, pengeluaran garis panduan dan frequently asked questions (FAQ), diadakan kajian lanjut, dan peruntukan untuk kekal seperti sedia ada. Sejumlah 76 perakuan telah dilakukan oleh ahli Pasukan Kerja Perundangan dan Tadbir Urus melalui bengkel pasukan kerja yang telah diadakan pada 17 -19 November 2019 di Port Dickson, Negeri Sembilan.







"61 cadangan penambahbaikan ke atas akta sedia ada telah diperolehi."

Kesemua cadangan penambahbaikan dan perakuan tersebut kemudiannya telah digarap dan diterjemahkan di dalam Laporan Akhir Kajian Semakan Semula Akta 709 yang diterbitkan pada hujung Disember 2019.



# UNIT
# SIASATAN

## Statistik Penerimaan Aduan dan Inisiatif Baharu

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709] yang telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada penghujung tahun 2013 bermatlamat untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi individu ("*Subjek Data*") yang terlibat dalam transaksi komersial oleh Pengguna Data untuk mewujudkan perlindungan kepada data peribadi individu itu dan dengan itu akan melindungi kepentingan individu itu.

Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi telah menyediakan beberapa platform penyampaian perkhidmatan bagi tujuan penyaluran aduan oleh Subjek Data yang terkilan dengan seseorang Pengguna Data dalam ruang lingkup perlindungan data peribadi.

Antara platform penyampaian perkhidmatan yang telah disediakan pada masa tersebut adalah Borang Aduan, *walk-in*, e-mel dan sebagainya. Walau bagaimanapun, selaras dengan perkembangan semasa serta inisiatif baharu yang diperkenalkan oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP, Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP) telah diwujudkan bermula dari tahun 2016 bagi memudahkan penyaluran aduan oleh seseorang Subjek Data.



Bagi menambah baik proses penyaluran aduan serta menyediakan platform yang lebih telus kepada Subjek Data untuk melihat perkembangan siasatan aduan, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah mengguna pakai pendekatan "*single point of admission*" bagi penerimaan aduan yang diterima iaitu hanya melalui Sistem Perlindungan Data Peribadi (SPDP).

## Statistik Penerimaan Aduan (2019) Pejabat Pesuruhjaya PDP

Jadual :

**Statistik Penerimaan Aduan (2013-2019)**




Dari tahun 2013 sehingga 2019, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah merekodkan penerimaan aduan sejumlah 1,938 aduan daripada Subjek Data. Statistik penerimaan aduan yang meningkat saban tahun telah membuktikan bahawa kesedaran Subjek Data terhadap aspek perlindungan data peribadinya semakin tinggi. Selain itu, promosi mengenai perlindungan data peribadi seperti pengiklanan di media cetak dan digital serta infografik yang telah dibuat oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP telah berjaya mendidik Subjek Data berkaitan peri pentingnya perlindungan data peribadi. Perkembangan teknologi serta platform media sosial juga telah memudahkan penyaluran maklumat berkaitan perlindungan data peribadi dan ianya sekaligus telah menyumbang kepada peningkatan bilangan aduan yang diterima.

Bagi tahun 2019, sebanyak 742 (38.2%) daripada 1,938 jumlah aduan telah direkodkan.

Kesemua aduan yang telah direkodkan melalui SPDP akan disaring oleh pegawai Pejabat Pesuruhjaya PDP sebelum siasatan aduan selanjutnya dibuat oleh Pegawai Penyiasat. Tujuan saringan ini adalah bagi mengenal pasti aduan yang diterima di dalam bidang kuasa Akta 709 atau sebaliknya. Bagi aduan di luar bidang kuasa Akta 709, pengadu akan dimaklumkan dengan kadar yang segera dan pengadu perlu merujuk kepada Jabatan/ agensi lain yang berkaitan, sekiranya berkenaan.

*Nature* bagi aduan tertinggi yang telah diterima oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP adalah berkaitan pelanggaran Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi iaitu sejumlah 405 aduan manakala yang kedua tertinggi adalah berkaitan dengan hak bagi seseorang Subjek Data untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung iaitu sebanyak 73 aduan.

Jenis bagi aduan tertinggi yang telah diterima oleh Pejabat Pesuruhjaya PDP adalah berkaitan pelanggaran Tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi iaitu sejumlah 405 aduan manakala yang kedua tertinggi adalah berkaitan dengan hak bagi seseorang Subjek Data untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung iaitu sebanyak 73 aduan. Perincian jenis aduan yang telah diterima bagi tahun 2019 adalah seperti berikut:

| | JENIS ADUAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1. | Seksyen 5: Prinsip Perlindungan Data | 405 |
| 2. | Peribadi seksyen 43: Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung | 73 |
| 3. | Seksyen 130: Pengumpulan, dsb., data peribadi yang menyalahi undang-undang | 60 |
| 4. | Seksyen 130: Pengumpulan, dsb., data peribadi yang menyalahi undang-undang | 3 |
| 5. | Seksyen 130: Pengumpulan, dsb., data peribadi yang menyalahi undang-undang | 2 |
| 6. | Seksyen 39: Takat penzahiran data peribadi | 2 |
| 7. | Seksyen 16: Perakuan pendaftaran | 1 |
| 8. | Seksyen 40: Pemprosesan data peribadi sensitif | 1 |
| 9. | Peraturan-Peraturan Perlindungan Data Peribadi 2013 | 1 |
| 10. | Luar bidang kuasa | 196 |
| | **JUMLAH** | **742** |



Golongan Pengguna Data Komunikasi telah mencatatkan jumlah aduan yang tertinggi bagi tahun 2019 (148 aduan) manakala golongan Pengguna Data Pajak Gadai hanya merekodkan aduan sebanyak satu aduan sahaja.

Pejabat Pesuruhjaya PDP akan memberi perhatian yang khusus kepada golongan-golongan Pengguna Data yang telah mencatatkan aduan yang tinggi dalam mengenal pasti ruang-ruang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh golongan Pengguna Data tersebut untuk mengelakkan aduan yang berulang pada masa hadapan.

## JUMLAH ADUAN MENGIKUT GOLONGAN PENGGUNA DATA BAGI TAHUN 2019






# **TINDAKAN PENGUATKUASAAN PEJABAT** PESURUHJAYA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI



Bermula dari tahun 2017, Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (Pejabat Pesuruhjaya PDP) telah mula mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas Pengguna Data yang telah melanggar sebarang peruntukan di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

Bagi tahun 2019, sebanyak dua tindakan penguatkuasaan yang telah diambil ke atas Pengguna Data atas pelanggaran kesalahan bagi seksyen 16(4) di bawah Akta yang sama dan perincian tindakan penguatkuasaan yang telah diambil adalah seperti berikut:

i. Pendakwaan di Mahkamah Sesyen Seremban ke atas satu (1) Pengguna Data di dalam golongan perkhidmatan (undang-undang) dan telah didenda sejumlah RM4,000.00

ii. Pengkompaunan ke atas satu (1) Pengguna Data di dalam golongan kesihatan dan telah dikompaun sejumlah RM10,000.00.



Sekiranya disabitkan, Pengguna Data boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau tidak melebihi tiga (3) tahun penjara.

Pejabat Pesuruhjaya PDP juga sedang giat menjalankan Ops Pemutihan Pendaftaran Pengguna Data ke atas Pengguna Data yang masih gagal untuk mendaftar dengan Pejabat Pesuruhjaya PDP. Sekiranya disabitkan, Pengguna Data boleh didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau tidak melebihi tiga (3) tahun penjara.

Pejabat Pesuruhjaya PDP juga telah dan sedang melengkapkan penyiasatan bagi sembilan (9) kes yang melibatkan insiden ketirisan data peribadi bagi sepanjang tahun 2019.



UNIT
# HAL EHWAL PENGGUNA DATA



“ Menyelaraskan dan memantau hal-hal yang berkaitan dengan pengguna data dan Forum Pengguna Data seperti mana yang diperuntukan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi. ”

# UNIT HAL EHWAL PENGGUNA DATA

## Penganjuran Persidangan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) Bagi Tahun 2019

Di era ekonomi digital yang sedang giat membangun, data peribadi merupakan suatu komoditi yang berharga. Justeru, kepentingan untuk melindungi data peribadi amatlah dititikberatkan. Di dalam meningkatkan kefahaman dan bagi menggalakkan pematuhan Akta 709 untuk pengguna data khususnya dan subjek data amnya, pelbagai program telah dianjurkan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Selain kempen kesedaran melalui media cetak dan elektronik, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi juga telah menganjurkan sebanyak 14 Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Persidangan) di seluruh Negara pada tahun 2019 bagi menerangkan dengan lanjut mengenai pematuhan Akta 709 dan seterusnya menjadi platform perhubungan di antara pengguna data dan pihak Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dalam mengemukakan pandangan dan isu-isu yang dihadapi berkaitan dengan pematuhan Akta 709.

Bagi memastikan pengguna data sentiasa peka dengan perkembangan isu-isu semasa yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi turut menjemput penceramah luar yang terdiri daripada pihak Kuliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA) dan Data Protection Excellent Centre (DPEX), Malaysia untuk berkongsi pengetahuan dan menghuraikan isu-isu yang berkaitan, serta memberikan cara penyelesaian yang terbaik untuk menangani penyalahgunaan data peribadi melalui penggunaan Internet atau alat telekomunikasi serta ancaman jenayah siber dan komersial supaya pengguna data sedar akan pentingnya perlindungan data peribadi yang dimiliki oleh organisasi mereka dan seterusnya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengelakkan penyalahgunaan data peribadi tersebut.

Secara keseluruhannya, penganjuran persidangan ini telah melibatkan sejumlah 1,356 orang peserta dari pelbagai sektor pengguna serta dari pelbagai agensi Badan Berkanun. Badan Berkanun yang telah terlibat pada tahun 2019 adalah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Tabung Haji, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), SME Corporation dan Badan Berkanun Persekutuan. Persidangan seperti ini akan diteruskan pada tahun 2020 kerana ianya mendapat permintaan yang tinggi dikalangan pengguna data dan ianya adalah salah satu platform yang terbaik bagi pengguna data untuk berinteraksi secara terus dengan pihak Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Sejuta penghargaan diberikan kerana penglibatan mereka memberikan kerjasama yang mantap dan sekaligus menjayakan Persidangan yang telah diadakan sepanjang tahun 2019.

## PERSIDANGAN YANG BERLANSUNG OLEH UNIT HAL EHWAL PENGGUNA

- **28 JAN 2019** — Pengguna Data — Seremban, Negeri Sembilan — 81 orang
- **25 FEB 2019** — Melaka — 108 orang — Pengguna Data
- **20 MAC 2019** — Badan Berkanun — Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur — 116 orang
- **8 APR 2019** — Alor Setar, Kedah — 91 orang — Pengguna Data
- **18 APR 2019** — Lembaga Hasil Dalam Negeri, Bangi, Selangor — 69 orang — Badan Berkanun
- **22 APR 2019** — Badan Berkanun — Kota Kinabalu, Sabah — 46 orang
- **23 APR 2019** — Kota Kinabalu, Sabah — 105 orang — Pengguna Data
- **2 MEI 2019** — Badan Berkanun — Ibu Pejabat Tabung Haji, Kuala Lumpur — 83 orang
- **4 JUL 2019** — Kuala Lumpur — 183 orang — Pengguna Data
- **22 JUL 2019** — Kuantan, Pahang — 89 orang — Pengguna Data
- **5 OGOS 2019** — Pengguna Data — Kota Bharu, Kelantan — 69 orang
- **20 OGOS 2019** — Putrajaya — 146 orang — Badan Berkanun
- **23 SEPT 2019** — Pengguna Data — Kuching, Sarawak — 130 orang
- **30 SEPT 2019** — Ibu Pejabat SME Corporation, Kuala Lumpur — 40 orang — Badan Berkanun

## Pembangunan Tataamalan Perlindungan Data Peribadi kepada Forum Golongan Pengguna Data bagi Tahun 2019

Pejabat Pesuruhjaya PDP telah meneruskan usaha bersama beberapa peneraju Forum Golongan Pengguna Data dalam membangunkan Tataamalan Perlindungan Data Peribadi bagi setiap Golongan Pengguna Data yang berdaftar di bawah Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia. Ianya adalah berdasarkan kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) di bawah Seksyen 23.

Pewujudan tataamalan ini memperlihatkan kesungguhan pengguna data dalam usaha melindungi dan menjamin keselamatan data peribadi. Bagi tahun 2019, sejumlah 14 Golongan Pengguna Data telah terlibat secara langsung dalam proses membangunkan tataamalan. Golongan penguna data dan status pembangunan tataamalan tersebut adalah seperti berikut :

| SEKTOR/ FORUM GOLONGAN PENGGUNA DATA | PENERAJU | STATUS |
|---|---|---|
| 1. Peminjam Wang Berlesen | Malaysian Punjabi Licensed Moneylender Association (MPLMA) | Deraf pertama |
| 2. Agensi Pekerjaan Swasta | Pertubuhan Kebangsaan Agensi Pekerjaan Swasta (PIKAP) | Lantikan Peneraju dan Deraf pertama |
| 3. Jualan Langsung | Direct Selling Association of Malaysia (DSAM) | Deraf pertama |
| 4. Perakaunan | Institut Akauntan Malaysia (MIA) | Deraf pertama |
| 5. Audit | Institut Akauntan Malaysia (MIA) | Deraf pertama |
| 6. Utiliti (Air) | Ranhill SAJ Sdn Bhd | Deraf akhir |
| 7. Undang-Undang | Majlis Peguam Negara | Deraf akhir |
| 8. Pajak Gadai | Persatuan Pajak Gadai (MPBA) | Deraf akhir |
| 9. Agensi Pelancongan | The Malaysian Association of Tour & Travel Agents (MATTA) | Deraf akhir |
| 10. Hospital Swasta | Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) | Deraf Akhir |
| 11. Utiliti (Elektrik) | Tenaga Nasional Berhad (TNB) | Versi Kedua (Deraf akhir) |



# 5 TATAAMALAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

Sejumlah 5 Tataamalan Perlindungan Data Peribadi bagi sektor pengguna data disasarkan untuk diluluskan oleh Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

## Program Kolaborasi dengan Pengguna Data

Selain dari penganjuran persidangan bagi meningkatkan kefahaman dan menggalakkan pematuhan Akta 709 untuk pengguna data khususnya dan subjek data amnya, pada tahun 2019 Pejabat Pesuruhjaya PDP turut melaksanakan program kolaborasi dengan pengguna data di dalam menerangkan mengenai kepentingan pelaksaan Akta Perlindungan Data Peribadi dalam organisasi secara lebih fokus dan tertumpu pada "*core of business*" pengguna data tersebut. Sejumlah 16 program kolaborasi telah dilaksanakan pada tahun 2019. Pengguna data yang terlibat adalah seperti berikut:-

- Hospital KPJ Ipoh
- UKM Medical Molecular Biology Institute (UMBI)
- Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
- Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)
- Hospital Teluk Intan
- Forest Research Institute Malaysia (FRIM)
- Koperasi Pelaburan Kakitangan
- Bank Muamalat Malaysia Berhad (KOPUTRA)
- AXA Affin
- Lembaga Juruukur Malaysia
- Perbadanan Pengurusan Air Berhad
- National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM)
- Persatuan Agensi Pekerjaan Swasta Negeri Johor
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia
- Malindo Air Sdn Bhd
- Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia



Program kolaborasi seperti ini akan diteruskan lagi pada tahun 2020 dalam memastikan pengguna data secara khususnya dan rakyat Malaysia umumnya terus peka terhadap kepentingan pelindungan data peribadi dalam urusan harian.

## Kursus Asas Kesedaran Terhadap Kepentingan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 kepada Pengurus Pusat Internet Desa (PID) dan Pusat Internet Malaysia (PIM)



Pejabat Pesuruhjaya PDP juga telah melaksanakan dua program bersama Pengurus Pusat Internet Desa (PID) dan Pusat Internet Malaysia (PIM) pada tahun 2019 iaitu Kursus Asas Kesedaran Perlindungan Data Peribadi (Akta 709). Dua program tersebut telah dilaksana di Negeri Kedah yang melibatkan sejumlah 34 orang Pengurus PID dan 36 orang Pengurus PIM daripada seluruh negeri Kedah.

Program yang dijalankan adalah berkonsepkan "ToT" (*Training of Trainer*) bagi membolehkan Pengurus PID/Pengurus PIM menguasai maklumat asas mengenai Perlindungan Data Peribadi dan seterusnya melaksanakan program lanjutan di PID dan PIM masing-masing. Kumpulan sasar untuk mereka melatih kelak adalah orang awam dan juga usahawan IKS tempatan yang terlibat secara langsung dengan program-program di bawah PID dan PIM di seluruh Malaysia.

Bagi tahun 2020, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah merancang untuk melaksanakan enam lagi program kolaborasi bersama pengurus PID dan PIM iaitu di negeri Johor, Perak, Pulau Pinang, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Selain pengurus PID dan PIM, program ini juga secara tidak langsung akan melibatkan kerjasama dari pihak Suruhanjaya Mutimedia & Komunikasi Malaysia (SKMM), Bahagian Infrastruktur & Aplikasi, KKMM serta beberapa pihak syarikat telekomunikasi seperti Maxis Berhad, Digi Telecommunication Sdn Bhd, Celcom Berhad dan Telekom Malaysia yang mengendalikan PIM di negeri-negeri yang terlibat.

# UNIT **KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)**



"Berperanan untuk mempromosikan dasar Akta 709, hebahan, aktiviti dan program ke arah secara menyeluruh menuju pembentukan imej jabatan yang positif melalui perancangan tahunan dan promosi yang strategik, sofistikated dan mampan.

Sebagai barisan hadapan Pejabat Pesuruhjaya PDP, UKK telus dalam memberikan informasi terkini kepada masyarakat umumnya, selain menyebarluaskan pendedahan dan penetapan berkaitan Akta 709 secara menyeluruh."






Pejabat Pesuruhjaya PDP memfokuskan strategi hebahan promosi dalam pelbagai medium khusus serta penerangan maklumat untuk pengetahuan umum

Dalam memantapkan pemahaman pelaksanaan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709), UKK berkomitmen bagi menjalankan strategi promosi yang menyeluruh dalam menekankan aspek-aspek mengikut keperluan masyarakat khususnya pengguna data dan subjek data. Berkonsepkan Promosi 360° (menyeluruh), Pejabat Pesuruhjaya PDP memfokuskan strategi hebahan promosi dalam pelbagai medium khusus serta penerangan maklumat untuk pengetahuan umum supaya ia menjadi satu tanggungjawab yang akan dihayati oleh Pengguna Data dan Subjek Data dengan berkesan. Media baharu yang saling melengkapi media digital dan konvensional menjadi medium utama dalam mengendalikan promosi secara berterusan dan penerangan kepada target khalayak merupakan antara pendekatan yang telah digunakan dalam menguruskan aktiviti publisiti.

# **PROMOSI BAHAGIAN/UNIT** TAHUN 2019

Dalam usaha memberi kesedaran mengenai kepentingan data peribadi, Pejabat Pesuruhjaya PDP telah menyusun pelbagai aktiviti agar masyarakat sentiasa peka terhadap fungsi dan peranan Jabatan dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pengendalian pemprosesan data peribadi demi kesejahteraan rakyat.

Pejabat Pesuruhjaya PDP komited bagi memacu konvergens digital jabatan, promosi dijalankan melalui sosial media jabatan di Instagram, Twitter dan Facebook; Jabatan telah menjadikan belia seperti Hawa Rizwana, Sabatini dan Azar Azmi sebagai Ikon Perlindungan Data Peribadi (PDP).






## Hebahan Luar *(Outdoor)*

LRT ▶

Antara bahan-bahan promosi kesedaran perlindungan data peribadi di stesen-stesen LRT.


















## Promosi Video

YouTube

▶ www.youtube.com/user/jpdpKKMM




PSA : Tata Amalan




PSA : Pemasaran Langsung




PSA : Baca dan Fahami

Imbas kod QR untuk menonton video di Youtube

## Media Sosial

Instagram ▶

@jpdpmalaysia




@hawarizwana




@sabatinidzue




@azarazmi

Imbas kod QR untuk menonton video di Instagram

## Media Cetak





17 Sept 2019,
Temubual Encik Mazmalek bin Mohamad,
Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Data Peribadi bersama Utusan Malaysia.

## Radio



Sekitar temu bual bersama YBrs. Encik Mazmalek Mohamad, Ketua Pengarah yang berlangsung di radio-radio tempatan bagi memperkatakan tentang kesedaran dan kepentingan masyarakat untuk sama-sama menjaga dan melindungi data peribadi daripada disalah guna.







SARAWAK fm
Sehati

## Televisyen








## Penerbitan Bahan-Bahan Promosi












Imbas kod QR
untuk maklumat
lanjut

Antara bahan-bahan cetakan yang diterbitkan pada tahun 2019.

# Pameran pada tahun 2019




Pameran
*Caring Bridge* Melaka
pada 01-04 Ogos 2019











Dato’ Suriani Dato’ Ahmad Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, diiringi YBrs. Encik Mazmalek Mohamad, Ketua Pengarah JPDP ketika Pameran Caring Bridge sempena Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang.

Antara aktiviti yang berlangsung adalah Kaunter Pendaftaran Golongan Pengguna Data, kuiz, permainan interaktif dan pelbagai.

## Pameran pada tahun 2019




Pameran di Ipoh pada 26-28 Julai 2019







SUDUT PERPUSTAKAAN KELUARGA

## Pameran pada tahun 2019




Pameran Kembara Digital Malaysia di Kuala Pilah pada 23-24 Nov 2019








www.pdp.gov.my
APAKAH ITU APDP?
AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
Air Mineral
Goodies

## Pameran Bahagian Unit JPDP 2019




Putrajaya Open Day (POD) yang berlangsung di Kompleks Bangunan KKMM pada 5 Oktober 2019










# PENGLIBATAN
# DI PERSADA ANTARABANGSA

**BAHAGIAN**
**PENDAFTARAN & OPERASI**

Nama Pegawai :

**Uma A/P Annamallai**





| BIL. | PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | *2nd Working Group on ASEAN Digital Data Governance* | Manila, Filipina | 8 April 2019 |
| 2 | *3rd Working Group on ASEAN Digital Data Governance* | Hawaii, Amerika Syarikat | 16 Julai 2019 |
| 3 | *1st ASEAN Data Protection and Privacy Forum* | Bangkok, Thailand | 19 Ogos 2019 |

Rangka Kerja ASEAN mengenai Digital Data Governance (DDG) merupakan inisiatif yang telah mendapatkan pengendorsan di Mesyuarat TELMIN ke-18 pada tahun 2018 yang bertujuan untuk mengukuhkan ekosistem data, menyelaras undang-undang dan peraturan mengenai tadbir urus data dan memupuk inovasi berasaskan data di seluruh negara ASEAN sekaligus meningkatkan pertumbuhan ekonomi digital di rantau ini. Rangka kerja DDG akan dilaksanakan menerusi empat inisiatif iaitu:

(i) ASEAN Data Classifications Framework

(ii) ASEAN Cross Border Data Flows Mechanism

(iii) ASEAN Digital Innovation Forum

(iv) ASEAN Data Protection and Privacy Forum

Penyertaan Pejabat Pesuruhjaya PDP dalam forum ini amatlah penting bagi memastikan Malaysia dapat mengikuti perkembangan terkini berkaitan hal perlindungan data peribadi dan inovasi digital, sekaligus dapat memantapkan lagi penguatkuasaan Akta 709 di Malaysia dan pelaksanaan rangka kerja DDG di rantau ASEAN.

| | |
|---|---|
| Program | : *52nd Asia Pacific Privacy Authorities Forum* |
| Tarikh | : 2-4 Disember 2019 |
| Tempat | : Mactan, Cebu, Filipina |

Di antara komitmen Jabatan di peringkat antarangsa pada tahun 2019 adalah dengan penyertaan ke *52nd Asia Pacific Private Authorities Forum* (APPA) yang telah diadakan di Mactan, Cebu, Filipina. Forum ini telah disertai oleh 14 ahli dari negara-negara Asia Pasifik termasuk United States of America, United Kingdom, Australia, Jepun, Korea, Hong Kong dan Singapura. Malaysia telah dijemput sebagai tetamu dari negara ASEAN untuk berkongsi maklumat mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia. Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat ini adalah signifikan kerana perlindungan data peribadi kini merupakan agenda utama dalam perkembangan *e-commerce* di seluruh dunia.

Melalui APPA, ahli mesyuarat dan tetamu jemputan telah dapat membincangkan isu-isu seperti tren privasi antarabangsa serta berkongsi pengalaman domestik negara-negara ahli di samping membuka peluang kerjasama dalam bidang ekonomi dan penguatkuasaan merentasi rantau Aisa Pasifik. Selain itu, mesyuarat juga telah membincangkan secara terperinci isu privasi dan urusan awam di Hong Kong dan United Kingdom serta inisiatif keselamatan aliran data peribadi di bawah GDPR. Perbincangan ini juga telah melibatkan perkongsian maklumat mengenai inisiatif keselamatan data peribadi di Korea, Jepun, France, Singapura dan Australia.



*Ahli Mesyuarat 52nd Asia Pacific Privacy Authorities Forum*

## *Asean Data Protection and Privacy Forum (DPPF) Meeting*



Mesyuarat ASEAN *Protection and Privacy Forum (DPPF)* telah diadakan pada sesi seterusnya di tempat dan hari yang sama. Selain wakil Pejabat Pesuruhjaya PDP sebagai wakil negara, mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil negara Singapura, Filipina, Brunei dan Thailand. Mesyuarat ini telah menjadi platform penting untuk membincangkan hubungan dua hala antara negara-negara ahli termasuk perjanjian dua hala Singapura dengan Hong Kong, Filipina dan United Kingdom serta perjanjian perdagangan antara United States-Mexico-Canada. Mesyuarat juga antara lain telah membincangkan jawatankuasa lain di bawah ASEAN *Framework on Digital Data Governance* seperti ASEAN *Data Classification Framework and Cross-Border Data Flow Mechanism, and the ASEAN Data Innovation Forum*.

Penglibatan Pejabat Pesuruhjaya PDP dalam mesyuarat ini telah membuka peluang kerjasama antara negara-negara ASEAN terutamanya dalam perkongsian isu dan amalan terbaik perlindungan data peribadi serta inisiatif penguatkuasaan merentasi sempadan di rantau ASEAN.

# PENGLIBATAN
# DI PERSADA ANTARABANGSA

## UNIT SIASATAN

Nama Pegawai :

**A. Rafiz bin Ismail**





| BIL. | PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | *UNODC South East Asia Regional Exercise on Threat Intelligence Collaboration for Joint Cybercrime and Counter Terrorism Response* | Bali, Republik Indonesia | 5 - 7 Mac 2019 |

Satu latihan serantau anjuran *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC) yang dibiayai oleh Kerajaan Negara Jepun telah diadakan dari 5 hingga 7 Mac 2019 di Bali, Indonesia untuk meningkatkan keupayaan para peserta dalam mengenal pasti, menyiasat dan menangkap penjenayah siber serta pengganas di dalam ruang siber.

Tujuan latihan serantau ini diadakan adalah bagi meningkatkan serta memantapkan keupayaan dan kerjasama serantau terutamanya dari aspek perkongsian dan penyelarasan maklumat di kalangan agensi-agensi penguatkuasa negara-negara ASEAN bagi memerangi jenayah siber dan menjejaki pengganas melalui teknik seperti Open Source Intelligence (OSINT) dan penyamaran dalam talian.

Latihan serantau ini merupakan susulan daripada Kursus *National Capacity Building Training on Cyber Threat Intelligence and Intelligence Community Training* yang telah diadakan di Kuala Lumpur dari 8 hingga 10 Januari 2019 yang telah dihadiri oleh para pegawai daripada pelbagai Jabatan dan agensi berkaitan di Malaysia.

| | |
|---|---|
| Program | : Mesyuarat Kumpulan Kerja ISO/IEC/JTC 1/SC 27 |
| Tarikh | : 14 - 18 Oktober 2019 |
| Tempat | : Paris, Perancis |

Mesyuarat ini telah membincangkan dokumen draf standard baharu yang berkaitan dengan privasi dan perlindungan data peribadi seperti berikut:

| | |
|---|---|
| i. | *Online Privacy Notices and Consent [DIS]** |
| ii. | *User-centric Framework for the Handling of Personally Identifiable Information (PII) Based on Privacy Preferences [WD]** |
| iii. | *Additional Privacy-Enhancing Data De-Identification Standards [SP]** |
| iv. | *Consent Receipts and Records [SP]** |
| v. | *Establishing A PII Deletion Concept in Organizations [WD]** |
| vi. | *Application of ISO 31000 for Assessment of Identity Management-Related Risk [WD]** |
| vii. | *Impact of Artificial Intelligence on Privacy [SP]** |
| viii. | *Privacy Engineering Model [SP]** |
| ix. | *Requirements for Accredited Certification for Sector Specific ISMS Standards [SP]** |
| x. | *Organizational Privacy Risk Management [NWIP]** |
| xi. | *Privacy for Fintech Services [SP]** |
| xii. | *Requirements for Attribute-Based Unlinkable Entity Authentication [WD]** |
| xiii. | *Privacy Guidelines for Smart Cities [WD]** |
| xiv. | *Entity Authentication Assurance Framework [WD]** |
| xv. | *Use Cases for Identity Assurance [SP]** |
| xvi. | *Identity Standards Landscape Document Update [SP]** |
| xvii. | *Privacy Consideration in Practical Workflows [SP]** |

** DIS = Draft International Standard, WD = Working Draft, SP = Study Period,*
*NWIP = New Work Item Proposal*





Pembangunan sesuatu standard adalah bertujuan untuk menyediakan panduan dan amalan terbaik (*best practices*) bagi kerangka kerja dan proses yang diperlukan bagi sesebuah organisasi. Pada masa yang sama, pembangunan dokumen standard ini akan dapat membantu Pejabat Pesuruhjaya PDP dalam memperbaiki polisi serta pengeluaran garis panduan yang berkaitan dengan perlindungan data peribadi.

Pejabat Pesuruhjaya PDP akan sentiasa terlibat secara aktif dalam memberikan input ke atas pembangunan standard yang melibatkan perkara-perkara dan polisi berkaitan perlindungan data peribadi menerusi platform ISO ini.



# PENGLIBATAN
# DI PERSADA ANTARABANGSA

## UNIT PENILAIAN RISIKO

Nama Pegawai :

**Leniza Anak Nihar**





| BIL. | PROGRAM | LOKASI | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | *ABLI's Data Privacy Workshop Penganjur : Ministry of Information and Communications of VietNam* | Singapura | 21 - 22 Mei 2019 |
| 2 | *APEC CBPR Workshop Penganjur : Office of Digital Services Industries, U.S. Department of Commerce* | Hawaii, Amerika Syarikat | 16 Julai 2019 |
| 3 | *1st ASEAN Digital Innovation Forum Penganjur : Asian Business Law Institute* | Hanoi, Vietnam | 19 Ogos 2019 |

# PEMBINAAN DAN PEMBANGUNAN **MODAL INSAN**








Pejabat Pesuruhjaya PDP telah melaksanakan pelbagai bentuk kursus dan latihan bagi tempoh Januari hingga Disember 2019 bagi meningkatkan kompetensi dan prestasi pegawai di Jabatan ini. Latihan yang dilaksanakan dibahagikan kepada dua (2) bentuk latihan iaitu Kursus Generik dan Kursus Fungsional. Secara keseluruhannya kursus dan latihan yang telah diadakan kepada semua warga Pejabat Pesuruhjaya PDP adalah seperti berikut:

| BIL. | TAJUK KURSUS | TARIKH | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 1 | Bengkel Pemukiman JPDP Tahun 2019 | 23 - 25 Ogos 2019 | Institut Pengurusan Peladang(IPP), Langkawi |
| 2 | Kursus Keselamatan Pejabat dan Pengurusan Rekod Kerajaan | 27 - 29 Sept 2019 | CREaTE, Alor Gajah, Melaka |
| 3 | Kursus Teknik Pengurusan Fail dan Rekod yang Efektif | 20 - 22 Okt 2019 | MARDI, Cameron Highlands, Pahang |
| **FUNGSIONAL** | | | |
| 4 | Kursus *The Introduction To Cloud Computing* | 9 - 11 April 2019 | Cyberview Spa Resort, Cyberjaya |
| 5 | Kursus Pemahaman dan Tafsiran Akta 709 | 8 - 10 Julai 2019 | ILD, Nilai, Negeri Sembilan |
| 6 | Kursus e-Filing Kehakiman dan Pendakwaan Mahkamah | 18 - 20 Sept 2019 | CyberSecurity, Cyberjaya |
| 7 | Kursus ICT Technical Training | 26 - 27 Nov 2019 | CyberSecurity, Cyberjaya |
| 8 | Persidangan PDP secara berkala kepada SUK / Pihak Berkuasa Tempatan / Majlis Perbandaran | Jan - Nov 2019 | Semenanjung, Sabah, Sarawak |





# Diari 2019

# MAJLIS ANUGERAH **PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)**

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 telah disempurnakan oleh YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Seramai 612 orang penerima anugerah diraikan dalam majlis yang terdiri daripada warga Kementerian, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen), Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR), Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP), Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Penerima anugerah menerima Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi. Dalam majlis yang sama turut dilancarkan Buku Pelan Strategik KKMM 2019-2023 sebagai hala tuju dan rangka kerja strategik Kementerian serta Jabatan/Agensi/Bahagian di bawahnya bagi tempoh lima (5) tahun.

Pelan Strategik ini adalah imperatif bagi memastikan gerak kerja Kementerian dilaksanakan mengikut perancangan berasaskan visi, misi dan objektif Kementerian serta dasar-dasar dan prakarsa terkini Kerajaan.

**Di bawah Pelan Strategik ini terdapat enam (6) teras strategik yang digariskan**

1. Memantapkan infrastruktur telekomunikasi yang terpercaya, berpatutan, berkualiti dan kebolehcapaian
2. Memacu ekonomi digital dan ICT ke arah Negara maju
3. Memperkukuh kawal selia ekosistem Komunikasi dan multimedia yang terpercaya dan stabil
4. Memperluas penyebaran maklumat kenegaraan untuk meningkatkan jati diri dan semangat patriotik rakyat
5. Memperkasa perkhidmatan penyiaran yang berkualiti dan terkini
6. Memangkin industri kandungan kreatif yang berdaya saing dan bertaraf global




**16 April 2019**

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 dan pelancaran Buku Pelan Strategik KKMM (2019-2023) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Berdasarkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2018, seramai tiga orang pegawai kakitangan Pejabat Pesuruhjaya PDP telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).





**Senarai penerima APC Tahun 2018 adalah seperti berikut:**




- Nurzalizah Kartini binti Abdulah
- Pegawai Penerangan
- S44
- Unit Komunikasi Korporat






- Sharil Mazmi bin Mohd Sharif
- Pegawai Teknologi Maklumat
- F44
- Unit Teknologi Maklumat






- D.Leila binti Khalid
- Penolong Pegawai Penguat kuasa
- KP29
- Unit Hal Ehwal Pengguna Data

## 28 Januari 2019

Persidangan Akta Perlindungan Data Peribadi 2019 Negeri Sembilan





## 25 Februari 2019

Persidangan Akta Perlindungan Data Peribadi 2019 (Pengguna Data) di Hotel Swiss Garden Melaka





## 20 Mac 2019

Persidangan Akta Perlindungan Data Peribadi 2019 (Badan Berkanun) di MARA











YBrs. Encik Mazmalek Mohamad bersama Dato' Haji Iskandar Halim Sulaiman, Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima kunjungan rasmi Pejabat Pesuruhjaya PDP di KPDNHEP, Putrajaya.

## 18 April 2019

Kunjungan Hormat Ketua Pengarah JPDP ke Pejabat Pengarah Penguat kuasa KPDNHEP di KPDNHEP Putrajaya





## 22 April 2019

Persidangan Akta Perlindungan Data Peribadi 2019 (Badan  Berkanun) di Kota Kinabalu, Sabah





## 23 April 2019

Persidangan Akta Perlindungan Data Peribadi 2019 (Pengguna Data) di Le Meridien, Sabah





## 2 Mei 2019

Persidangan Akta Perlindungan Data Peribadi 2019 (Badan Berkanun) di Kota Kinabalu, Sabah










## 20 Jun 2019

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia di Dataran Gemilang Presint 4 Putrajaya.



Jabatan telah turut serta memeriahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia.









## 28 Jun 2019

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perlindungan Data Peribadi di Aras 6 Kompleks KKMM






TAN PERLINDUNGAN
PERIBADI MAL

## 16 Julai 2019

Sesi Taklimat Khas dan lawatan kerja Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia bersama Pejabat Pesuruhjaya PDP di Aras 6, Kompleks KKMM. Beliau telah diberikan taklimat oleh Ketua Pengarah JPDP dan turut dibawa melawat sekitar JPDP.








## 23 Julai 2019

### Majlis Jasamu Dikenang oleh YB Menteri di kompleks KKMM Putrajaya

Pada majlis tersebut yang dirasmikan oleh YB Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Komunikasi Dan Multimedia Malaysia, seramai 3 orang pesara dari Jabatan Perlindungan Data Peribadi telah diraikan iaitu :

| BIL. | PENERIMA | JAWATAN | GRED | TEMPAT BERTUGAS | TARIKH PERSARAAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Salina binti Abdullah | Ketua Pembantu Tadbir | N22 | Unit Khidmat Pengurusan | 11 Mei 2019 |
| 2 | Tahir bin Puteh | Pegawai Penguatkuasa | KP44 | Unit Siasatan | 10 Jul 2019 |
| 3 | Daud bin Padod | Penolong Pegawai Penguat kuasa | KP38 | Unit Pemantauan | 31 Dis 2019 |



## 23 - 25 Ogos 2019

Bengkel Pemukiman JPDP di Institut Pengurusan Peladang (IPP), Langkawi Kedah







PUSAT KECEMERLANGA
KEJURUTERAAN DAN TEKN

## 23 - 25 Ogos 2019

Kursus Keselamatan Pejabat dan Pengurusan Rekod Kerajaan Bersama CGSO di Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE) Alor Gajah, Melaka






## 23 - 25 Ogos 2019

Kursus Teknik Pengurusan Fail dan Rekod yang Efektif bersama Arkib Negara Malaysia di Institut Penyelidikan & Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Cameron Highlands, Pahang





## 30 September 2019

Persidangan Akta Perlindungan Data Peribadi bersama SME CORP Malaysia.






Goodies Bag
Air Mineral
Goodies Bag
JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

## 05 Oktober 2019

Putrajaya Open Day (POD)






## 08 - 10 November 2019

Mesyuarat Perancangan Strategik bagi Pemurnian SKT Tahun 2019 dan Hala Tuju SKT Tahun 2020 Sektor Infrastruktur Telekomunikasi dan Ekonomi Digital KKMM di Swiss Garden Hotel & Residence Genting Highlands, Pahang









WE ARE
STOORBUSKERS





## 19 Oktober 2019

Sambutan Bulan Sukan Negara Peringkat Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia





## 10 Oktober 2019

Taklimat Perlindungan Data Peribadi di PERDA Pulau Pinang.









## 28 Oktober 2019

Taklimat Perlindungan Data Peribadi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) bersama Telekom Malaysia Berhad.







## 23 Disember 2019

Taklimat perlindungan data peribadi kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)









# LAPORAN
# KEWANGAN




Aug
Sep
Oct
Nov
Dec

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**KUMPULAN WANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat Berteguran

Penyata Kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 12, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709).

**PEJABAT PERSURUHJAYA**
**PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA**

Aras 6, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan, 62100 Putrajaya, Malaysia

www.pdp.gov.my